

26/08/1998

Syor mansuh undi akar dibawa ke perhimpunan

GEORGETOWN, Selasa - Cadangan memansuhkan pemberian 10 undi akar umbi kepada calon jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno akan dibawa ke perhimpunan agung parti itu, tahun depan.

Jawatankuasa Mengkaji Perlembagaan Umno kini membuat kajian menyeluruh mengenai sistem itu, sebelum mengemukakan hasilnya kepada Majlis Tertinggi (MT) dan dibahaskan pada perhimpunan agung.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata hanya perhimpunan agung sebagai badan tertinggi parti boleh menimbangkan sesuatu cadangan demi kepentingan Umno termasuk pemansuhan undi itu.

"MT hanya berbincang dari segi pentadbiran dan setiap keputusan perlu diputuskan pada perhimpunan agung,"

"Perkara ini sudah lama dibincangkan. Jawatankuasa politik parti yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menimbulkan perkara itu sekali pada mesyuaratnya ketika meneliti perlembagaan Umno secara keseluruhan," katanya.

Beliau ditemui selepas raptai Hari Kemerdekaan peringkat kebangsaan di Universiti Sains Malaysia, di sini hari ini.

Rabu lalu, beliau dilaporkan berkata, Umno sedang mengkaji sistem undi akar undi yang memberi 10 undi kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden di peringkat bahagian kepada sistem yang lebih berkesan untuk membanteras gejala politik wang.

Kali terakhir Perlembagaan Umno dipinda ialah pada 19 Jun 1994, manakala peruntukan 10 undi akar umbi kepada Presiden dan Timbalan Presiden dikemukakan selepas pemilihan 1987, bagi memastikan sokongan akar umbi diterjemahkan oleh perwakilan.

Menurut Fasal 7.3 Perlembagaan Umno, presiden dan timbalan presiden hendaklah dipilih tiap tiga tahun sekali, calon presiden dan timbalan presiden yang dicalon oleh sesuatu perwakilan bahagian akan mendapat 10 undi.

Jumlah undi yang diperolehi dari bahagian dijumlahkan dengan undi yang diperolehi pada mereka perhimpunan agung.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan sama ada pemansuhan 10 undi itu boleh dilaksanakan dalam pemilihan parti tahun depan.

Kepada soalan lain, Sabbaruddin menolak andaian sesetengah pihak kononnya wujud pergolakan di dalam Umno.

"Tiada apa-apa masalah," katanya mengulas kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa ahli parti perlu mengekalkan perpaduan dengan berpegang teguh kepada prinsip sebuah parti hanya mempunyai "seorang jeneral."

"Di mana-mana pun begitu...memang satu (ketua)," kata Sabbaruddin.

Mengenai desas-desus pilihan raya umum mungkin diadakan tahun ini, Sabbaruddin berkata, Umno bersiap sedia menghadapinya bila-bila masa sama ada pilihan raya umum atau kecil.

(END)